
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

**HIU 225 – PENDIDIKAN NILAI-NILAI MURNI DARI PERSPEKTIF
ISLAM**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan dari bahagian A dan DUA soalan dari bahagian B.

Bahagian A

1. Maksud hadith:

"Sesiapa dalam kalangan kamu yang melihat kemungkaran maka hendaklah dia mencegahnya dengan tangannya; dan jika dia tidak mampu maka dengan lisannya; dan jika dia tidak mampu maka dengan hatinya. Dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman". [Riwayat Muslim]

Berdasarkan maksud hadith di atas, jawab soalan berikut:

- [a] Huraikan dengan terperinci pandangan sarjana tentang kewajipan melaksanakan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*. [40 markah]

- [b] Jelaskan LIMA proses dalam melaksanakan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* berdasarkan pandangan al-Ghazali.

[25 markah]

- [c] Huraikan DUA golongan yang wajib melaksanakan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*.

[20 markah]

- [d] Sebutkan pembahagian *al-munkar* menurut al-Ghazali.

[15 markah]

2. [a] Jelaskan TIGA faktor yang menjadi sebab timbulnya penyakit *hasad* dan DUA kaedah yang disarankan oleh al-Ghazali untuk merawat penyakit ini.

[50 markah]

- [b] Pendidikan akhlak dalam Islam mempunyai hubungan yang rapat dengan konsep *al-din*. Berdasarkan kenyataan ini, bagaimanakah konsep *al-din* dapat dijelaskan dalam konteks kerohanian?

[20 markah]

[c] Jelaskan istilah-istilah di bawah:

[i] *al-Jihad*

[10 markah]

[ii] *al-Nafs al-Mutma'innah*

[10 markah]

[iii] *al-Ruh*

[10 markah]

3. [a] Huraikan Hedonisme dan kesannya kepada akhlak.
[50 markah]
- [b] Huraikan konsep keadilan sosial menurut perspektif Islam.
[50 markah]

Bahagian B

4. Dalam kerohanian Islam, *tazkiyat al-nafs* memainkan peranan yang penting dalam pembinaan peribadi muslim.
- [a] Jelaskan definisi dan skop kepada proses *tazkiyat al-nafs*.
[25 markah]
- [b] Huraikan kepentingan-kepentingan proses *tazkiyat al-nafs* dengan sokongan dalil-dalil naqli.
[45 markah]
- [c] Huraikan faktor-faktor penyelewengan akhlak dan cara-cara mengatasinya menurut Islam.
[30 markah]
5. Aqidah Tauhid yang tulen membantu kemantapan ibadah. Berdasarkan pernyataan ini, huraikan perkara-perkara berikut:
- [a] Hubungan antara akidah Tauhid dan kerohanian Islam.
[30 markah]
- [b] Al-Qur'an dan al-Sunnah adalah sumber-sumber yang sahih bagi penghayatan nilai-nilai murni.
[30 markah]

- [c] Ibadah-ibadah khusus dalam Islam merupakan asas kekuatan pembinaan peribadi muslim. [40 markah]
6. [a] Berdasarkan konsep *ihsan* dalam Islam,uraikan peranan dan kesannya terhadap kehidupan individu dan masyarakat. [50 markah]
- [b] *Muhasabah* adalah salah satu metode yang disarankan dalam Islam untuk menilai dan memperbaiki diri. Huraikan tentang konsep *muhasabah al-nafs* dalam Islam. [50 markah]